



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
PUAN AMY HASHMIDA BINTI HASHIM  
PELUKIS WANITA MUSLIM PERTAMA

OLEH:

NURUL IZZATI BINTI MOHD ZAKI	2019819034
SITI SARAH BINTI KAULI	2019608104

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2020 – FEB 2021)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
PUAN AMY HASHMIDA BINTI HASHIM  
PELUKIS WANITA MUSLIM PERTAMA

OLEH:

NURUL IZZATI MOHD ZAKI	2019819034
SITI SARAH BINTI KAULI	2019608104

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2020 – FEB 2021)

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Pertama sekali kami ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatNya kami diberi kekuatan dan ketabahan dalam menyiapkan tugas yang di berikan setelah melalui pelbagai halangan dan dugaan bagi menyempurnakannya. Sesungguhnya tugas yang diberikan ini benar-benar menguji kami dengan realiti kehidupan yang sebenar dalam mendapatkan maklumat mengenai bangunan lama atau bersejarah yang dipilih oleh kami.

Kami juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah subjek IMR 604 Madam Nurulannisa Binti Abdullah di atas kesudian beliau untuk berkongsi maklumat, membimbing serta memberi tunjuk ajar sepanjang proses kumpulan kami melaksanakan tugas ini. Sesungguhnya tanpa bimbingan dan tunjuk ajar daripada beliau tidak mungkin kami dapat menyiapkan tugas kami seperti ini. Segala jasa dan penat lelah beliau amatlah kami hargai dan kami manfaatkan sepenuhnya.

Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Amy Hashmida Binti Hashim di atas kerjasama yang telah diberikan oleh beliau sepanjang projek ini dijalankan. Kami amatlah berbesar hati di atas kesudian beliau meluangkan masa bersama kami untuk berkongsi maklumat yang beliau ketahui kepada kami. Kami bertuah kerana Amy Hashmida Binti Hashim amat mudah untuk berkongsi ilmu serta mudah untuk berurusan sepanjang kajian di jalankan.

Tidak lupa juga, sekalung penghargaan kepada kawan-kawan yang turun membantu dalam proses menyiapkan tugas ini. Dorongan dan doa daripada ahli keluarga kami juga turut menyumbang kejayaan kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Sekian, terima kasih.

Penemuabual 1: Nurul Izzati Binti Mohd Zaki

Penemubual 2: Siti Sarah Binti Kauli

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i-ii
Abstrak.....	iv-v
1.0 Biodata penemubual.....	1
1.1 Biodata penemubual pertama.....	2
1.2 Biodata penemubual kedua.....	3
2.0 Biodata Tokoh.....	4
3.0 Pengenalan.....	5
3.1 Pengenalan sejarah lisan.....	6-7
4.0 Kajian literatur.....	8
5.0 Transkrip.....	9-35
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	10-12
Bahagian 2: kerjaya/Pendidikan .....	13-23
Bahagian 3: Pencapaian .....	24-28
Bahagian 4: Cabaran .....	29-30
Bahagian 5: Harapan .....	31-35
6.0 Lampiran.....	36
Log wawancara.....	37-39
Diari kajian.....	40-41
Senarai soalan.....	42-48
Senarai gambar.....	49-50
Surat Kebenaran Melaksanakan Penyelidikan Akademik.....	51-52
Surat perjanjian .....	53-54
Indeks.....	55-58

# **ABSTRAK**

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Amy Hashmida Binti Hashim merupakan anak kelahiran Negeri Che Siti Wan kembang. Berusia 50 tahun, salah satu lukisan beliau yang bertajuk 'paddy field – After Harvest' Berjaya tersenarai dalam Top 100 dalam sebuah pertandingan lukisan di Palo Alto, California. Tujuan temubual ini di jalankan bertujuan untuk membuat kajian tentang pelukis wanita muslimah pertama ke luar Negara dan juga untuk mendapat maklumat lisan yang boleh dijadikan rujukan untuk masa akan datang dan untuk mengetahui rahsia disebalik kejayaan seorang pelukis. Menceritakan tentang kejayaan dan anugerah diperoleh oleh Puan Amy Hashimah Binti Hashim Sepanjang beliau bergiat aktif dalam bidang seni. Kaedah kajian ini dijalankan dengan secara temuramah dan mengumpul data. Penyelidikan ini dilakukan dengan mengadakan temu ramah bersamah tokoh wanita Kelantan iaitu Puan Amy Hashimah melalui Zoom, sebanyak 100 soalan yang dikemukakan yang terdiri daripada latar belakang, sejarah pendidikan sekolah, kerjaya tokoh, pencapaian sumbangan dan harapan tokoh.*

**Kata kunci:** *Wanita, pelukis, Puan Amy Hashimah*

**Abstract:** *Amy Hashmida Binti Hashim is a native of Che Siti Wan State. 50 In a painting competition in Palo Alto, California, one of his paintings entitled 'paddy field - After Harvest' was successfully listed in the Top 100. The purpose of this interview was to make a study on the first Muslim women painters abroad and also to get oral information that can be used as a reference for the future and to find out the secret behind the success of a painter. Tells about the success and awards obtained by Mrs. Amy Hashimah Binti Hashim as long as she is active in the field of art. The method of this study was conducted by interviewing and collecting data. This research was conducted by conducting interviews with Kelantan women figures, namely Mrs. Amy Hashimah through Zoom, a total of 100 questions were asked which consisted of background, school education history, career figures, the achievement of contributions, and expectations of figures.*

**Kata kunci:** *Women, painter, success, Mrs.Amy Hashimah*

# **BIODATA PENEMUBUAL**



## PENEMUBUAL PERTAMA

*Rajah 1: Nurul izzati*

<b>Nama</b>	Nurul Izzati Binti Mohd Zaki
<b>Alamat</b>	
<b>No telefon</b>	
<b>Email</b>	
<b>Program</b>	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Sistem Maklumat.

## PENEMUBUAL KEDUA

*Rajah 2: Siri Sarah*

<b>Nama</b>	Siti Sarah Binti Kauli
<b>Alamat</b>	
<b>No telefon</b>	
<b>Email</b>	
<b>Program</b>	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Sistem Maklumat.

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



*Rajah 3 : Gambar Puan Amy*

<b>Nama</b>	Amy Hashmida Binti Hashim
<b>Umur</b>	50 tahun
<b>Tarikh Lahir</b>	
<b>Tempat Lahir</b>	Kota bharu, kelantan
<b>No telefon</b>	
<b>Tempat tinggal</b>	Kota bharu, Kelantan
<b>Pekerjaan</b>	Pelukis seni

# **PENGENALAN**

# PENGENALAN

Kami telah diberi tugas daripada pensyarah untuk membuat kajian dan mencari tokoh yang berpengalaman untuk menceritakan tentang kejayaan dan anugerah tokoh yang telah dipilih sebagai tajuk untuk menyiapkan tugas ini. Oleh itu, tugas ini adalah wajib untuk kami laksanakan sebagaimana ia merupakan tugas bagi memenuhi skop projek untuk subjek Oral Documentation. Selain itu juga, tugas ini meliputi dari segi menemubual tokoh dan transkripikan segala percakapan di dalam bentuk rakaman atau dalam kata lain ialah sejarah lisan. Sepertimana yang diketahui, maksud sejarah lisan boleh di ketengahkan satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu.

Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya di salin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Oleh hal yang demikian, untuk mengetahui dengan lebih lanjut maklumat yang dicari, kami memilih Puan Amy Hashmida Binti Hashim sebagai tokoh yang ingin di temubual untuk menjadikan tugas kami dapat disiapkan dan berjalan dengan lebih lancar. Beliau banyak mengetahui tentang bidang seni lukisan, beliau juga banyak menerima anugerah dan memberi sumbangan kepada generasi muda.

Oleh itu, pengetahuan yang dimiliki oleh beliau tentang seni lukisan sehingga mampu menjadi pelukis muslimah ke luar negara tersebut membuatkan kami teruja untuk menemubual beliau seterusnya untuk mendapatkan maklumat penting sebanyak yang mungkin. Jadi, tugas sejarah lisan yang akan kami laksanakan ini mempunyai kepentingan yang berharga kerana ia dapat memupuk minat dengan lebih mendalam untuk mengetahui pengetahuan yang berkaitan dengan sejarah sesuatu perkara.

## **PENGENALAN SEJARAH LISAN**

Sejarah lisan merupakan salah satu teknik kajian yang menyimpan pelbagai data darimasa lampau yang telah lama berlalu. Kewujudannya apabila berlakunya penemuan penemuanbaru dan teknologi moden seperti politik, kenangan, perniagaan, sastera dan kehidupan moden yang merupakan salah satu perkara yang bersesuaian. Penyelidik sangat tertarik dengan kajian Sejarah lisan kerana pelbagai pengalaman baharu dari segi melihat sejarah yang pelbagai dan dapat mendalami personaliti manusia dengan lebih dekat. Bidang ini merupakan kajian yang meluas serta mempengaruhi pelbagai golongan sebagai contoh golongan orang biasa, pemimpin, penulis, pengarang dan golongan yang berkaitan. Oleh itu, herodotus telah menjalankan proses menemuramah individu dengan bertujuan mengumpul peristiwa - peristiwa penting tentang sejarah yang wujud pada masa dahulu. Sebagai perintis dalam bidang sejarah, beliau juga dianggap sebagai bapa Sejarah. Selepas itu, penulis thucydides telah melopori bidang tersebut dengan menulis tentang peperangan Peloponnesian dengan menggunakan pengalaman tentera-tentera yang terlibat. Terdapat kesukaran untuk menyatakan kebenaran oleh saksi kerana sukar untuk mengekalkan pengalaman tersebut dari keseluruhan cerita. Salah satu faktor perkara tersebut berlaku kerana usia yang meningkat atau trauma yang dialami oleh individu atau pelaku tersebut.

Prof. Allan Nevins akhirnya telah menghasilkan Projek sejarah lisan yang pertama diuniversiti columbia pada tahun. Bidang kajian sejarah lisan pada tahun 1960 an telah mengembangkan sayapnya apabila diminati dari segenap aspek seperti teknik serta cara penggunaan sumber sejarah yang terdapat diseluruh dunia. Tokoh-tokoh yang masih hidup atau yang telah meninggal dunia merupakan salah satu sumber untuk mendapatkan informasi dalam menjalankan sejarah lisan. Sebagai contoh projek sejarah lisan tentang tokoh yang masih hidup di malaysia seperti individu yang terlibat dalam peristiwa pendudukan pepundi tanah melayu, kemerdekaan, pejuang kebangsaan dan sebagainya. Selain itu, sejarah lisan tentang tokoh yang telah meninggal dunia seperti Dato Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra al-haj dengan cara mengumpul data dan informasi tentang mereka daripada kenalan rapatserta saudara mara mereka yang lebih mengenali peribadi dan pengalaman tokoh tersebut. Hubungan sejarah dan ilmu serta sejarah lisan boleh dilihat dari segi pemahaman tentang ilmu dan sejarah dengan penghasilan melalui sejarah lisan, ia dapat memberi gambaran ilmu baru atau informasi. Proses penghasilan sejarah lisan memerlukan satu kaedah yang sistematik bagi memastikan sebuah

hasilan kajian yang bernilai sejarah dan objektif. Antara proses penting dalam sesebuah kajian sejarah lisan termasuklah perancangan awal kajian. Perancangan awal kajian ini merupakan langkah-langkah awal yang perlu diambil sebelum memulakan kajian. Diantara langkah-langkah awal kajian yang perlu dilakukan ialah menentukan tajuk kajian. Bagi menentukan tajuk kajian ini adalah untuk mengenal pasti matlamat yang hendak dicapai oleh pengkaji. Hal ini juga dapat memberi gambaran dan maklumat awal tentang kajian seterusnya dapat membina kerangka kajian. Sebelum memulakan kajian pengkaji haruslah mengenali lebih mendalam tentang tokoh yang ada. Dengan menyenaraikan tokoh-tokoh yang ada dan mendalami mereka para pengkaji dapat menentukan tokoh yang diyakini mempunyai maklumat yang tepat berkenaan tajuk kajian yang dijalankan.

Selain itu, pengkaji juga harus menyiasat tokoh sebelum menjalankan sesi temuramah bagi memudahkan perjalanan kajian yang bakal dijalankan dan pengkaji harus menyatakan hasrat pengkaji kepada tokoh yang dipilih serta tujuan. Berdasarkan kajian yang kami perolehi ialah penganugerahan Tokoh Wanita merupakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menghargai sumbangan dan peranan yang telah dimainkan oleh wanita, terutamanya wanita Kelantan semasa pentadbiran Kerajaan Membangun Bersama Islam. Wanita yang berpengetahuan dan bijak dapat menunaikan tanggungjawab mereka bukan hanya sebagai isteri dan ibu dalam rumah tangga yang harmoni, tetapi juga dapat menyumbang kepada usaha memenuhi tuntutan pembangunan material dan pembangunan manusia. Peranan mereka berkembang dari urusan rumah tangga hingga kepimpinan negara. Sumbangan aktif wanita terhadap pembangunan negeri dan negara perlu disedari dan dihargai oleh masyarakat.



# **KAJIAN LITERATUR**

## **KAJIAN LITERATUR**

Sejarah lisan merupakan kajian yang dapat menyimpan data masa lampau walaupun tempoh masa dan peristiwa telah berlalu. Ia wujud dalam waktu berlakunya penemuan-penemuan baharu dan teknologi moden yang bersesuaian dengan perkara-perkara yang semakin kompleks seperti politik, kewangan, perniagaan, sastera dan kehidupan moden. Kajian sejarah lisan dikatakan sangat menarik kerana penyelidik akan bertemu dengan pelbagai pengalaman baharu, melihat sejarah daripada aspek yang pelbagai, serta mengenali lebih banyak personaliti manusia. Ia merupakan satu bidang kajian yang amat luas meliputi pelbagai golongan masyarakat seperti orang biasa, pemimpin masyarakat, gabenor, menteri kabinet, penulis terkenal, pengarang, korporat dan sebagainya. (Rozeman, 2004)

Sejarah terdiri daripada sekumpulan fakta-fakta yang telah diteliti dan dipastikan. Sejarah lisan merupakan satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan. Kaedah ini melibatkan proses wawancara dan merakam ke dalam pita tentang keterangan-keterangan orang yang mengetahui sesuatu peristiwa sejarah sama ada melalui penglibatannya secara langsung dalam peristiwa itu atau sekadar menyaksikannya. Ia turut disokong oleh Starr (1984), yang menyatakan sejarah lisan merupakan kaedah pengumpulan fakta-fakta sejarah yang masih belum lagi dikaji dan dirakam semula dan merupakan penerus kepada proses mengumpul data sejarah setelah hilangnya tradisi penulisan sejarah. Ianya dikatakan bermula sejak berlakunya sesuatu peristiwa sejarah itu sendiri.

# **TRANSKRIP**

# TRANSKRIP

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera. Rakaman dan temubual ini mengisahkan tentang kejayaan dan anugerah diperolehi oleh Puan Amy Hashmida Binti Hashim. Rakaman dan temubual ini telah dijalankan secara dalam talian menggunakan aplikasi zoom pada 14 Januari 2021, Khamis. Pada jam 11 pagi sehingga 1 Tengahari Temubual ini di kendalikan oleh Nurul Izzati Binti Mohd Zaki dan Siti Sarah Binti Kauli. Berikut adalah hasil rakaman dan temubual yang Berjaya di laksanakan.

Petunjuk:

SS: Siti Sarah Binti kauli

NI: Nurul Izzati Binti Mohd Zaki

PAH: Amy Hashmida Binti Hashim

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**NI : Okey, Assalamualaikum Puan.Boleh kami mulakan dengan soalan yang berkaitan dengan latar belakang Puan?**

**PAH : Waalaikumusalam terima kasih Nurul izzati dan Siti Sarah. Maaf saya tidak nampak wajah Siti Sarah ye. Okey gambar nurul izzati keluar. Terima kasih kerana... membuat temu ramah harini, jadi saya cuba yang terbaik untuk temuramah ini untuk tujuan akademik pada pelajar-pelajar jurusan IT uitm Kelantan. Saya berasal dari Kelantan pada tahun 1971, sebuah rumah di jalan wakaf mek zainab Kota Bharu.**

saya berasal dari situ. Saya rasa itu mungkin salah satu sebab nama saya dicadangkan oleh pensyarah kerana saya banyak juga ditermuramah oleh dekan-dekan university di Kelantan dan juga beberapalah, jadi masa saya kecil saya sekolah cina chong cheng. Pendidikan pertama ialah di sekolah cina . kemudian dipendekkan cerita lepas SPM, saya bertukar sekolah beberapa kali kerana saya tidak dapat bercakap Bahasa melayu dengan lancar masa sekolah cina itu, sebab saya cepat sangat tangkap Bahasa mandarin. Jadi daripada beberapa adik beradik saya, saya sesorang dikeluarkan dari sekolah cina kerana tidak dapat bercakap Bahasa melayu. Jadi saya masuk sekolah melayu selepas darjah empat , terus masuk sekolah melayu dan lepas SPM saya terus belajar di Uitm ahah alam .zaman dulu tahun 91 ehh [riaksi tersilap] bukan 87 sy masuk uitm shah alam masa tu tidak tahu nak isi borang , tidak ada orang bagi tunjuk ajar tapi saya dapat juga lah satu kos selepas berbincang dan tukar-tukar pendapat. Saya akhirnya, diletakkan satu kos executive secretary ITM Shah Alam di cawangan Jalan Osman. Selpas itu , saya nak tukar kos kepada *library* [ perpustakaan ] tapi tidak dibenarkan. Tapi tidak apa , aaaaaa..... khusus itu banyak mengajar saya membuat emmm menguruskan pentadbiran. Kemuadian saya sambung belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia aaaaaa sambung belajar “degree in business admin”. Kemudian saya cuba melukis tapi tidak mendapat sambutan dan galakkan yang saya cita-citakan masa itu. Jadi saya terus bekerja dengan beberapa syarikat sehingga saya bekerja dengan sebuah syarikat antarabangsa, salah satu syarikat Intel yang bertempat di Amerika Syarikat. Aaa didalam Intel saya bertugas sebagai aaaa, program ICT Manager okey. Dalam intel itu saya dilatih dengan cara yang sangat professional lah oleh unversiti Intel. Masa itu, Intel ada uniersiti, Universiti Intel dia mengerahkan, apa ni, pengalaman kita, pemikiran kita [tunjuk dikepala], cara kita menghadapi dengan suasana dan keadaan dan segalanya , dia [syarikat Intel] memastikan kita pakar membuat sesuatu yang diberikan . Dari situlah , dipendekkan cerita, selepas saya bekerja dengan Intel, saya berhenti dengan Intel untuk membawa masuk sebuah solusi secara *e-content* kepada kerajaan Malaysia bawah kementerian pedidikan masa itu, tapi walau bagaimana pun , uasaha saya itu menemui jalan kegagalan aaa pihak pesaing sangat besar dan bagi syarikat kecil macam saya ini, walaupun saya berhenti dan mendapat sokongan sepenuhnya dari pihak Intel untuk menjadi *collaborator* kepada mereka untuk membawa solusi *ICT in education* dan konten kepada bidang pendidikan Malaysia

gagal kerana pesaingannya terlalu hebat dan besar. Okey jadi dari situlah saya berhenti dan kemudiannya saya menceburkan diri balik kepada minat saya itu dalam lukisan. Okey habis dekat situ dahulu, boleh?

**NI : Boleh saya tahu berapa tahun puan bekerja di Intel?**

PAH : Ehh lama jugak lah [la], dalam 9,10 tahun macam itu. Sebelum itu, saya bekerja di syarikat luar negara juga laa. Seperti *alcatel* [ sebuah syarikat ] saya tidak pernah bekerja dengan kerajaan. Jadi saya banyak bekerja dengan syarikat swasta di Kuala Lumpur. Jadi daripada saya berhenti ITM sampai sekarang saya menetap di Kuala Lumpur. Okey soalan seterusnya?

## **BAHAGIAN 2: KEJAYAAN/PENDIDIKAN**

**NI : Soalan seterusnya adalah pencapaian.**

**NI : Berapa tahun kah puan pernah bersekolah disitu ( SJK(C) Chong Cheng ) ?**

PAH : Daripada lima tahun, enam tahun, tujuh lapan Sembilan sepuluh, sepuluh itu sudah kena tarik keluar dari sekolah cina

NI : Lama juga ye.

PAH : Adik beradik saya , sampai darjah enam, tidak silap saya sorang sampai darjah enam, sorang sampai tingkatan lima.

**NI : Semua kebanyakkan adik beradik puan bersekolah di sekolah cina?**

PAH : Tidak lah, adik beradik yang generasi pertama dalam keluarga itu, semua sekolah cina, tiga orang adik beradik semua sekolah cina. Kemudian aaaa, saya ada adik bawah saya , saya anak yang ketiga masa itu, kemudian saya ada adik bawah saya masa itu sudah tujuh lapan tahun itu saya dapat adik, jadi mereka itu generasi lain lah kan. Tapi mereka tidak bersekolah di sekolah cina.

**NI : Berapakah bilangan adik beradik Puan?**

PAH : Saya ada enam adik beradik .

**NI : Ohhh, okey semasa puan bersekolah di sekolah rendah , apakah pencapaian yang puan telah perolehi, masa zaman sekolah cina?**

- PAH : Sekolah cina atau sekolah melayu?
- NI : **Sekolah cina**
- PAH : Ohhh sekolah cina saya banyak dapat pingat, banyak dapat pingat .... cikgu sekolah cina ini, dia banyak aktiviti, setiap bulan dapat pingat, setiap bulan dapat hadiah. Saya seronok lah sekolah cina ini. Saya semangat pergi sekolah cina sebab ad program setiap bulan, jadi kami kalau pergi sekolah cina, kami adik beradik ini balik sahaja. Mesti ada benda bawa balik. Minggu ni ada program itu, minggu depan ada program ini. Lepas itu, ada sukan itu, ada sukan ini, lepas itu, ada ucapan atas pentas bila di sekolah cina bercakap bahasa cina, [tunjuk cara dengan muka yang sangat gembira]. Selepas itu, dapat hadiah selepas itu dapat pingat. Memang seronok!. Sekolah melayu saya tidak dapat apa apa hahahah [ketwa] . Saya dapat bekas masa di sekolah melayu, selepas itu, cikgu bagi tahu saya pergi ambil dekat bilik guru . Saya pun pergi ke bilik guru untuk ambil bekas sebagai hadiah yang saya dapat . Selepas itu, saya bagi tahu guru saya , saya dapat bekas . Lalu guru memberitahu saya , mana ada bekas . [Terus gelak hahahaha]
- NI : **Memang banyak kenangan di sekolah cina itu.**
- PAH : Banyak kenangan, cikgu baik, kawan-kawan baik . Kawan-kawan semua suka dekat saya . Jenis , kalau saya pergi melawat , selepas saya berhenti sekolah cina , saya pergi melawat sekolah cina semua datang peluk saya lah .
- NI : **Seterusnya, untuk subjek pula, dalam akademik subjek apa yang paling puan minat?**
- PAH : saya minat seni , sastera .
- NI : **Memang dari sekolah rendah lagi puan minat seni?**
- PAH : Dia seperti tertanam dalam diri
- NI : Sudah sebati dalam diri
- PAH : Dia jadi macam bukan paksaan . Dia macam ini . Kalau seseorang itu buka mata lihat mak dia jual nasi lemak , mungkin dia akan bila besar dia akan jadi pengusaha nasi lemak .
- NI : Ye betul puan .
- PAH : Jadi saya bila buka mata saya , saya lihat pelukis di bawah rumah saya . Saya turun tangga saya nampak orang melukis , saya bau cat , jadi benda itu sendiri . Lepas itu

, sekolah cina bawa beg . Zaman dulu bawa beg *james bone ye* [ ya ]. Yang kotak ada kunci bunyi [ ketapp ] . Selepas itu , masuk aa lumba lari menang aa apa ini , gelek bola menang . Masuk itu menang , masuk ini menang dapat hadiah itu. Jadi aaa dia mengalakkan kita mempunyai rasa seronok apabila apabila mencapai sesuatu . Haaaa awak faham tak? *When you achive somethings you dapat reward* [ bila awak capai sesuatu awak dapat ganjaran]. Jadi dia mendidik dalam diri kita ini, *you must work hard but then you will be rewarded* [ awak mesti bekerja keras selepas itu awak mesti dapat hasil ].

**NI** : *Ye* [Ya] betul , betul

**PAH** : Haaa awak faham tak? Haa itu sahaja

**NI** : Faham-faham

**PAH** : Dekat saya bekerja di Intel pula, aaa Intel sangat professional , sangat-sangat professional . Saya tidak rasa mana-mana syarikat lain pun dapat mencapai professionalisme syarikat Intel di malaysia ini. Jadi dia akan pastikan , dia didik kita , otak kita ini dia didik setiap tiga bulan , awak bayangkan ye , saya kerja sepuluh tahun , setiap tiga bulan saya di didik . Dan perkara ini berlaku walaupun anda sudah tua dekat dalam Intel . Anda akan dididik setiap tiga bulan . Dididik dengan *compitensi, professionsi effectiveness, result orientation* [ Keberkesanan professional, kecekapan, hasil orientasi,] *you know deliverable, communication, somethings aspectation aaa you know explaining yourself* [anda tahu boleh apa disampaikan, komunikasi, aspek dan aaaaaa..... anda tahu menerangkan diri anda] aaa semua itu, benda itu sudah jadi seperti [sambil letak tangan di kepala] melekat dalam otak kita ini.

**SS** : Dia akan jadi sehati dan kita akan buat terus buat.

**PAH** : Betul, lama-lama dia akan jadi darah daging. Apabila kita lihat satu syarikat mengurus pekerja seramai lebih seratus ribu orang dengan berlainan bangsa .Hebat tidak meraka?

**NI** : Hebat

**PAH** : Haa hebat kan mereka, mereka tahu mengurus manusia berlainan bangsa di enam puluh dua negara *eh* [reaksi tersilap bercakap], di tiga puluh buah negara dan mereka boleh mengurus aaaaa perandai orang mengurus bakat orang, mengurus isu



kemanusiaan dan mereka boleh mengurus dan awak faham tidak hebatnya dia . Jadi kita ini belum bagi empat orang pun belum boleh urus kan?

**SS** : Betul puan

**PAH** : Haaa jadi saya bagi tahu diri saya masa saya bekerja di Intel itu, saya menjadi lebih rapat dengan agama islam, bukan sebab saya kerja dengan orang melayu, masa saya kerja dengan Intel itu, saya tukar cara pemikiran, (*KPI*) *Key Performance Indicator* [ Petunjuk Prestasi Utama] kerana dia sediakan *KPI* yang setiap bulan kita kena capai. [tunjuk dekat kepala]

Jadi saya pun ambil cara Intel bekerja dan buat kepada diri saya apa yang saya boleh capai dari segi agama islam setiap tiga bulan. Adakah saya boleh baca al-quran sebanyak berapa muka surat setiap tiga bulan. Sebab kita orang islam. Jadi kita mesti aaaa *KPI* dunia dan *KPI* akhirat mesti seimbang. Haaa jadi tidak adalah kita perlu kejar dekat dunia sahaja banyak lepas itu, bila meninggal kosong kan, jadi tidak mahir. kita *KPI* dekat dunia penuh, penuh. *KPI* dekat akhirat meninggal pun biar penuh. Jadi berbalik pada soalan siti sarah tadi apa lagi kebajikan yang saya buat, saya tidak mahu ceritakan satu persatu. Itu daripada sebahagian *KPI* yang setiap umat islam perlu penuhi dalam bentuk sedekat, infak, wakaf, buat kebajikan, menjaga silaturahim, dalam bentuk tidak boleh sombong, dalam bentuk bantu orang miskin , dalam bentuk rapatkan diri kita dengan orang susah , sebab orang susah ini kunci syurga . Mereka yang dekat dengan golongan syurga daripada orang kaya, sebab orang kaya lambat sebab itu kita kena rapat dengan orang susah. Jadi itu *KPI* dari segi agama. Kedua-duanya mesti kena seimbang nanti kita tidak lah jadi satu hamba allah yang rugi. Maaf ye masuk bahagian agama sikit.

**NI** : Ehh tidak mengapa

**SS** : Motivasi

**PAH** : Itu lah yang saya pegang dik.

**NI** : Okey kita teruskan dengan pendidikan peringkat tinggi pula..masa di universiti , apakah sejarah dan pencapaian puan yang puan telah perolehi masa di universiti? Dan... adakah puan , pernah mendapat biasiswa sepanjang pembelajaran .

**PAH** : [geleng kepala] saya tidak pernah dapat. Saya tidak pernah dapat bantuan dik. Aaa saya tidak cukup pandai untuk isi borang hahahha [ ketawa]. Jadi semua usaha atas

kemampuan saya sendiri daripada UiTM, daripada UKM kepada universiti aaa apa Univeristi Intel kepada univerisiti Oxfard semua diabayar sendiri.

**NI : Sepanjang puan, melanjutkan pelajaran ada atau tidak bantahan daripada keluarga?**

**PAH :** Tidak adalah, ibu saya sangat menghormati keputusan saya, ibu saya sampai sekarang ada di kelantan di taman kenagan kota bharu kelantan dan sangat menghormati keputusan saya. Apa saya buat pun ibu saya sangat menghormati laa. Dalam adik beradik saya , saya seorang sahaja yang agak lebih sikit mungkin.

**SS :** Ye laa puan sampai ke luar negara.

**NI : Boleh saya tahu nama penuh ibu puan?**

**PAH :** Hajah Aminah Binti Haji Idris.

**NI : Sekarang berapakah umur beliau?**

**PAH :** Sekarang sudah lapan puluh satu. Alhamdulillah sihat . Tapi saya sediakan jururawat bersama dia setiap hari . Dari kuala lumpur lah saya bantu dia. Disana tinggal kakak saya , dia seorang cikgu di sekolah SMK Pengakaln chepa , dan kakak saya banyak membantu dia lah.

**SS :** Okey puan.

**NI : Adakah sebelum ini ibu puan pernah bekerja?**

**PAH :** Ibu saya ini seorang usahawan sedikit, dia pandai kalau pengurusan wang dia bijak . Ibu saya ini seorang pengurs wang yang sangat bijak . Masa saya kecil . Saya sudah lihat ibu saya kutip duit sewa rumah . Sebab dekat bawah itu ada lima bilik macam studio , dalam bilik itu ada bilik tidur, ada dapur ada tandas . Jadi dari kecil saya sudah lihat dia kutip duit sewa . Jadi dia macam usahawan sedikit la. Selepas itu, dia pandai buat duit, pandai buat baju kebaya sulam -sulaman ini. Ya allah sangat cantik . Dia juga seorang yang berjiwa seni juga . Bapa saya lebih kepada Aaa karya visual lepas bapa saya bekerja sebagai pegawai bank . Tapi ibu saya seorang yang jiwa seni, masak sedap, buat baju sedap, kalau pakai baju dia sedap . Aaa [ berfikir ] pandai laa . Untung la kakak sayang yang duduk di kelantan itu, sebab kakak saya

duit kewangan dia , di urus oleh ibu saya . Jadi mereka banyak harta lah hahahaha [ketawa]. Haaa jadi pengajaran dalam cerita ini ialah kalau ibu pandai kira duit, bagi duit dekat ibu . Hahahah [ketawa] . Dia kumpul duit itu dan dia belikan duit itu macam- macam . Contohnya rumah , tanah , rumah kedai, itu ini .

**NI : Betul , okey seterusnya siapakah idola puan , dan mengapakah puan jadikan beliau idola?**

**SS :** Idola dalam lukisan

**PAH :** Ramai idola saya , kalau dekat malaysia ini, saya sebut beberapa pelukisan yang allah kalau tengok lukisan itu, jatuh cinta contohnya, rafiq qhani nama besar di malaysia ni asal machang ye . Lukisan dia akan mencairkan hati anda yang meminati cara dia lah . Dia orang kelantan . Satu lagi Datuk Tajuddin saya suka lukisan dia sebab dia melukis diatas kanvas bulat. Jadi kalau awak lihat Instagram saya itu, saya suka melukis atas kanvas bulat itu sebab saya lihat Datuk Tajuddin lah. Dia ada citarasa sikit . Itu di malaysia. Kalau diluar negara aaa saya suka tengok Errin Handson . Perlukis wanita yang Sandiagio itu awak mesti lihat . Saya rasa Errin Handson ini, kalau dia tidak jadi pelukis dia mungkin jadi apa ini aaaaa *NASA National Aeronautics and Space Administration Scientis* kerana dia sangat bijak. Jadi awak kena lihat itu. Dan beberapa nama besarlah yang artis zaman-zaman dahulu. Aaaa saya sanggup tidak pergi shopping semata-mata untuk pergi lihat pameran art di Benzo . Ada satu hari itu, kalau beli belah di New zealand itu mahal kan. Kalau beli belah saya akan memilih untuk pergi pameran. Saya sanggup macam itu lah. Saya sebenarnya lihat muzium sejak dari kecil. Jadi melawat muzium ini bukan satu perkara pelik. Ada orang tidak pernah cecah pun kan. Betul tak? Jadi saya galakkan adik-adik Nurul dan siti sarah ada peluang pergi lihat sendiri seni di muzium di balai. Kalau di malaysia ini di balai seni negara. Kalau dapat pergi luar negara cuba intai dia punya galeri antarabangsa. *Wooo dasyat!* [ teruja] Dasyat ye. Seni ini kalau kita belajar dari ekonomi, seni ini boleh menyelamatkan sesebuah daerah ataupun negeri daripada aaa muflis. Yeee seni ini seperti harta intelek, harga sebuah negara. Itu dia. Okey jelas tak jawapan saya?

**NI :** Jelas

**PAH :** Mana awak jumpa nama saya, daripada siapa?

NI : Apa puan?

PAH : Nama saya siapa yang cadangkan?

NI : Kami cari dalam internet

SS : Kami cari dalam internet tokoh wanita, selepas itu kami bagitahu pensyarah. Pensyarah untuk semak semula tokoh yang kami pilih. Haa begitu. Jadi kami tertarik sebab puan wanita muslimah yang pernah dapat anugerah dekat luar negara semata-mata untuk lukisan.

PAH : Pah: betul-betul

SS : Jadi saya seperti tertarik sebab tidak ada lagi wanita dapat seperti yang puan dapat sekarang ini .

PAH : Alhamdulillah

SS : Jadi kami setuju untuk pilih puan sebagai tokoh untuk ditemu bual. Jadi kami cuba. Alhamdulillah boleh buat temubual dengan puan.

PAH : Terima kasih ye. Kirim salam dekat pensyarah awak .

NI : Insha allah puan

NI : **Bolehkah saya tahu setelah puan mendirikan rumah tangga berapa bilangan anak puan?**

PAH : Tiga, saya ada tiga orang anak. Umur 27 tahun. Satu lagi berumur 23 tahun dan satu lagi yang kecil perempuan tadi berumur 8 tahun.

NI : **Oh okey, adakah kesemua anak-anak puan tinggal bersama puan?**

PAH : Ye tinggal dengan saya. Dan mereka bayar , mereka bagi saya duit hahahahah [ gelak ] sebab nak beli rumah di kuala lumpur terlalu mahal

SS : Betul puan.

NI : Betul puan.

PAH : Haaa mahal, jadi saya perlu fikirkan satu cara macam mana hendak bantu mereka ini. Jadi duit yang mereka bagi itu, saya kumpul la mudah-mudahan suatu hari nanti aaaa dapat buat deposit rumah

SS : Betul

PAH : Kuala Lumpur ini barang mahal ya, siapa yang dapat beli rumah di kelantan itu, beli cepat-cepat. Rumah bangglo dikelantan, kuala lumpur ini rumah pangsapuri.

NI : **Betul puan, sekarang semua barang naik. Seterusnya, apakah rahsia puan yang sentiasa bermotivasi, kekal aktif untuk setiap aktiviti yang puan lakukan?**

PAH : Rahsia, rahsia kekal bermotivasi. Dia macam ini adik ye. Alami kedua-dua belah pihak. Iaitu ilmu dunia kita perlu belajar, lihat sahaja kos atas talian kita belajar dan ilmu allah bagi, ilmu al-quran juga harus belajar. Apabila kita mendalami walaupun saya ini bukan peringkat ustazah tapi saya mendalami dan kita tahu dunia ini hanya sementara. Yang allah janji akhirat, allah tidak berjanji yang dunia ini. Sebab semua orang akan mati. Bapak saya meninggal, bapak mertua saya meninggal, mak mertua saya meninggal, abang saya meninggal, adik abang ipar saya meninggal. Maknanya saya juga suatu hari akan meninggal. Jadi buat apa hendak berputus asa, kita akan meninggal. Sebab semua ini adalah sementara dan kita akan mati dan mati itu pasti. Buat apa hendak berputus asa, buat sahaja laaa. Seperti naik kereta hendak pergi ke kedai, cuma perjalanan kita ini lambat lima puluh tahun, 60 tahun, 70 tahun, 80 tahun kan. Kalau penat rehat lah. Jangan terlalu taksab dengan keduniaan sampai aaaa apa ini. Ada sesetengah orang tidak dapat menerima kelemahan mereka. Contoh lah kalau ada berlaku kekalahan mereka tidak dapat menerima, jadi jangan lah sebab dunia ini hanya sementara sahaja. Kita tahu dunia ini sementara. Kita tidak perlu kecewa dengan teruk sekali.

SS : Sentisa positif.

PAH : Nabi muhammad saw juga sebut, mesti positif. Nabi muhammad bagitahu bila seorang daripada zaman dahulu, habis lah aku demam panas seperti terkena api. Nabi muhammad saw berkata kalau engkau sebut seperti itu, maka jadi lah seperti itu.

SS : Betul, apa yang kita sebut itulah jadinya.

PAH : Itulah, jangan sebut. Walau tidak ada duit sekali pun, sebut duit tunai aku kurang, kejap nanti dahulu, jangan cakap, tidak ada duit, tidak ada duit, lama-lama nanti jadi *pape* [ pokai ]. Jangan ! Sebut macam ini, okey nanti aku ada rezeki insha allah aku beli. Haaa macam itu cara kita menjawab dia. Jadi kita bergantung balik kepada allah. Insha allah ada rezeki aku beli. Haaaa begitu. Jangan la sesekali cakap aku tidak ada duit, tidak ada duit, maksudnya awak tidak percaya kepada allah swt. Empat puluh kali bercakap nanti jadi betul. Kalau susah, awak baru nak habis

peperiksaan , awak akan mengalami hidup yang macma badai , sekejap tenang, sekejap badai, awak perlu tahu setiap badai itu akan sampai ke tempat di tepi pantai . Jadi awak perlu tahu yang itu. Itu fakta. Setiap ombak akan sampai ke tepi pantai . Maknanya tidak ada di lambung ombak untuk selama-lamanya manusia ini. Itu lah motivasi . Bacalah kisah, kisah nabi , baca buku nabi nanti awak akan tahu bagaimana kehidupan dahulu lagi dasyat hidup beliau . *Haaa* insha allah banyak lah berdoa kepada allah , semoga allah membantu kita , perbanyakkan doa lazim.

**SS** : Okey puan , terima kasih

**NI** : **Apakah nasihat kedua ibubapa puan yang selalu diungkapkan kepada puan?**

**PAH** : *Emm*, bapa saya ini meninggal sewaktu saya kecil lagi. Jadi tidak banyak nasihat , cuma saya dibesarkan dalam keadaan yang penuh kasih sayang oleh ibubapa yang sangat penyayang . Jadi saya bernasib baik sebab masa itu saya ada bapa yang sangat penyayang. Jadi saya juga terbawa-bawa dalam saya membesarkan anak saya walaupun kadang-kadang saya marah saya naik angin tapi masih lagi tidak dengan cara kekerasan. Suami saya selalu bagitahu saya , saya ini banyak berlembu dengan anak tapi saya sudah dibesarkan dengan cara begitu. Ibu saya pula banyak menasihati saya apabila membuat sesuatu mesti niat kerana allah swt. Itu sahaja yang ibu saya selalu pesan . *Haaa* itulah . [sambil tersenyum]

Apa lagi yang kamu berdua mahu dengar yang tidak ada dalam soalan. [sambil ketawa]

**SS** : **Jadi puan sekarang duduk di rumah sahaja la?**

**PAH** : Ye, sekarang PKP [ Perintah Kawalan Pergerakan ], saya di rumah . Saya perlu pergi ke galeri. Sepatutnya bulan dua ini ada pameran berkumpulan wanita seramai dua puluh orang dibawah galeri saya. Dan pengurus balai seni negara akan membuat perasmian tapi bila sudah PKP ini kita diam sahaja dulu. Ikut dahulu perintah yang diberikan oleh kerajaan. Nak buat macam mana. Berkemungkinan lambat, jadi lambat la sikit. Tidak ada menjadi masalah sangat, insha allah ikut sahaja. Pada mulanya, saya agak kecewa selepas itu, lama kelamaan sudah biasa. Saya boleh rehat, boleh pergi berkebun, boleh siram pokok.

SS : Ada hikmah disebalik kejadian ini.

PAH : Ya, saya punya hasil jualan kalau kamu hendak tahu pada musim PKP ini daripada tahun lepas sampai ke hujung tahun lepas dan awal tahun ini melebihi aaa pameran solo saya.

NI : Alhamdulillah

PAH : Jadi adakah hikmah musim PKP ini. Ramai orang membeli lukisan saya. Duduk di rumah dan beli lukisan saya.

SS : Betul.

NI : **Baiklah, berapa lamakah puan siapkan untuk setiap lukisan yang puan lakukan?**

PAH : Ada lama, ada sekejap. Kadang- kadang ambil masa setahun. Kadang-kadang seminggu.

NI : Bergantung pada lukisan itu.

PAH : *Haa* betul. Ada juga satu hari dan bertahun - tahun. Saya kalau saya tidak puas hati saya g tidak akan keluarkan lukisan saya. Bila saya sudah berpuas hati baru saya masukkan ke dalam sosial media.

NI : Okey faham

SS : Lama juga lah masa ya diambil

NI : Otak seorang pelukis ini, kita lihat mereka tidak melukis. Tetapi dia sedang melakar satu lukisan dalam otaknya.

PAH : Kamu berdua minat nak jadi apa suatu hari nanti, biar saya pula bertanyakan soalan untuk kamu berdua bila kamu diam .

NI : kalau saya, saya memang ambil bahagian pengurusan maklumat tetapi minat saya yang lebih mendalam kepada perniagaan.

SS : Sekarang pun kamu buat perniagaan sampingan sambil belajar

PAH : Perniagaan apa?

NI : Saya jadi agent MAMASAB

PAH : Ohh agent MAMASAB, agent kek. Baiklah Situ Sarah?

**SS** : Saya pula produk kecantikan DEMICA

**PAH** : Alat solek?

**SS** : Betul

**PAH** : Sekarang semuanya atas talian.

**SS** : Ye semua atas talian

**NI** : Ye puan

**SS** : Sambil belajar kami cari pendapatan sampingan. Jadi dapat duit sedikit

**PAH** : Betul, seronok

**SS** : Sebab sudah besar, jadi tidak mahu susahkan keluarga walaupun tidak banyak tapi adalah. Sekarang kami lebih kepada buat perniagaan.

**PAH** : Perniagaan atas talian melalui instagram ke?

**NI** : Ye puan. Dekat semua platform *facebook, instagram, whatsapp*.

**PAH** : Mamasab ni kek kan?

**NI** : Betul puan. Mamasab ada pelbagai jenis kek dan kosmetik.

**PAH** : Dia bagi komisyen berapa?

**NI** : Kalau komisyen pula, berdasarkan peringkat yang saya capai. Lagi tinggi saya buat jualan lagi tinggi komisyen yang saya dapat.

**PAH** : Yang sarah sama seperti MAMASAB?

**SS** : Saya jual produk DEMICA. Dia lain dengan produk MAMASAB. Kalau saya agent, saya perlu keluarkan duit modal sebanyak RM100 akan dapat produk tersebut, lepas itu , kita terus promosi kepada orang , kalau ad jualan setiap hari dapat komisyen dalam satu barang itu dapat RM10 ataupun lebih la.

**PAH** : Seronok kan?

**NI** : Seronok jual sebab saya tidak perlu keluarkan modal untuk buat jualan. Jika dapat pelanggan kita juga dapat untung.

**PAH** : Baguslah orang kelantan.

## TAMAT BAHAGIAN 2



### BAHAGIAN 3: PENCAPAIAN

**SS : Baiklah kita teruskan dengan pencapaian puan boleh?**

Boleh puan ceritakan serba sedikit tentang kejayaan dan anugerah yang pernah puan perolehi sepanjang puan menjadi pelukis.

**PAH : Sepanjang bekerja dengan syarikat Intel ke sepanjang menjadi pelukis Malaysia ke macam mana?**

**SS : Pelukis malaysia**

**PAH : Okey, aa sepanjang pelukis malaysia ini tidak adalah sangat pencapaian saya kecuali saya diterima di beberapa buah konvensyen besar di Los Angeles. Aaaa dan aaa lukisan saya dicetak di mukabuku kitebooks apa nama bahasa malaysia ini? Di sebuah konvensyen yang dihadiri oleh 10 ribu orang pengunjung. Dari situlah semangat saya meletup. Sebab apabila saya diterima lukisan saya diterima dipamerkan di sebuah hotel besar di Los Angeles. Ehh bukan Los Angeles. Las Vegas yang besar. Aaa saya pun teruja lah, dan kemudian beberapa aaaaa apa ini , jemputan ke Korea, ke Jepun . Selepas itu, semua lah saya pergi aaa di California , di Palo Alto . Jadi semualah. Dan salah satu pencapaian saya di Malaysia ni saya boleh katakan agak bagus apabila saya dipilih oleh KKMK dibawah agensi *AMDEC multimedia delvelopment cooperation* untuk membuat satu ucapan dan workshop di Kuala Lumpur tahun sembilan belas dan tahun dua ribu lima belas tidak silap saya. Jadi itu aaaa dan aaaaa saya di ... Masa itu dapat *sponser* [ tajaan ] daripada kedua-dua belah pihak daripada Malaysia dapat tajaan dan juga daripada di Amerika pun dapat tajaan sebab mereka semua suka apabila melihat pelukis aaaaaaaaaa mencapai tahap sebegitu kan jadi mereka pun adalah bagi saya tajaan sedikit. Emmmmm dan beberapa lagi lah ye, saya pun tidak, saya bukan jenis kumpul, kumpul sangat lah pencapaian saya ini, kecuali aaaa baru-baru ini tahun 2019 saya diterima oleh balai seni lukis negara untuk mengadakan satu pameran solo, bukan senang saya rasa aaa apa ini, itu bagi saya satu pencapaian lah bukan senang untuk pelukis wanita terutamanya di Malaysia ini untuk diberi kepercayaan untuk buat pameran solo. Pameran solo ini benda berat ye Siti, Nurul. Sebab kita perlu kumpul lukisan dalam jumlah yang besar, perlu buat beberapa koordinasi dengan lukisan dengan kurotor balai, pihak perasmi dan juga**

kita mesti berinteraksi dengan pihak *press* [ pihak akhbar ] pihak berita kerana perlu hantar berita kepada semua surat khabar di Malaysia dan Astro TV3 semua lah saya sampaikan dan satu perkara yang berat kalau pameran solo ini, jadi sekali sekala kita dapat terima itu Alhamdulillah. Dan selepas saya buat pameran solo itu saya sambung belajar di Oxfard jadi lepas baru-baru ini saya sudah lus belajar di Oxfard jadi pendidikan terakhir saya ini buat sementara ini adalah satu aaaaaa kelulusan daripada Universiti Oxfard UK dalam bidang bidang lukisan. Selepas itu, kita PKP saya tidak ada buat apa-apa sangat jadi aaaa saya banyak buat jualan *online* [ atas talian] aaaa saya ditemu ramah banyak nya oleh Astro, Astro ini dia mengenal saya sebelum saya apa- apa lagi. Astro ini bagus daripda saya jual lukisan yang berharga RM2-RM300 sudah datang temubual sampai lah lukisan saya dah berharga beribu-ribu ini. Dia mengikuti perkembangan saya. Jadi saya sangat berterima kasih lah kepada Astro. Aaaa kemudian akhir tahun lepas apabila ramai saya melihat aaaa galeri seni di Malaysia ini ditutup disebabkan oleh PKP. Jadi saya lihat pelukis- pelukis tidak banyak tidak mempunyai banyak peluang untuk mengetengahkan lukisan mereka jadi saya timbul rasa terpanggil untuk membuat sesuatu macam dapat ilham lah. Berbisik-bisik di telinga saya, awak mesti buat sesuatu kan sebab aaaaaaaaa [ berfikir ] awak sudah melalui satu fasa, saya pun sudah 50 tahun ini. Sudah melalui macam-macam dan aaaaa jumlah jualan saya juga agak bagus, jualan seni saya hasil karya seni dan saya *congak-congak* [ kira-kira] cukup untuk saya buka sebuah galeri ye. Jadi saya aaaaa buat apa, saya nekad lah buat satu galeri. Galeri saya siap dalam masa 28 hari.

NI : *Ohhh* cepat ye.

PAH : Ya, saya juga tidak tahu, mungkin Allah swt bantu saya, saya cakap kita buatlah galeri satu, saya cari sana, saya cari sini. Saya banyak berdoa kepada allah saya kata biarlah jadi satu lokasi untuk saya dan keluarga mencari rezeki yang halal dan juga membuat kebajikan, jadi kedua-dua itu penting ya. Cari rezeki sahaja tidak mahu, tapi biar dapat pahala. Jadi saya kata dulu saya tahu apa masalah pelukis, sebab saya melukis jadi galeri itu daripada pelukis kepada pelukis dan *collector* [ pengumpul]. Saya sekarang alhamdulillah jadi sebahagian daripada solusi. Jadi macam itulah Alhamdulillah.

NI : **Boleh saya tahu berapakah harga lukisan yang termahal yang puan pernah jual?**

- PAH : Tidak ada la mahal sangat lukisan saya berbanding dengan saya bukan pelukis veteran lagi ya . Pelukis veteran ni umur 60,70 itu pelukis veteran la. Lukisan nya mahal. Kalau nak dibandingkan dengan nama-nama pelukis yang besar di Malaysia ini yang betul-betul besar, saya ni baru suku daripada harga mereka dan kadang-kadang tidak sampai sukupun, aaaa jadi lukisan saya, saya layan semua sebab saya percaya semua manusia ini ada hak, dan saya layan semua yang nak beli lukisan saya daripada serendah RM500.00 kepada setinggi RM32,000.00.
- SS : **Setakat ini sumbangan puan untuk buka galeri itu sahaja la, untuk tolong orang?**
- PAH : Macam itulah, yang saya tidak mahu sebut tidak payah lah sebut kan. Saya banyak tanggungjawab saya ini.
- SS : **Okey puan. Soalan seterusnya apa perasaan puan boleh capai tahap sampai tahap sekarang ini?**
- PAH : Tidak ada apa perasaan. Alhamdulillah sahaja. Bersyukur sahaja sebab akhirnya kita ini orang islam jadi kita ingat kita buat apa- apa kena niat kerana allah kan. Jadi mudah mudah yang penting saya tidak mahi redho manusia saya nk biar dapat redho daripada allah. Kalau manusia tidak suka apa saya buat, saya tidak boleh cakap apa lah tapi janji kita bekerja berusaha jangan malas dan jangan lalai dan jangan ini lah jangan putus asa. Yang saya hendak sekarang ini lebih kepada allah yang sampingan itu untuk belanja , bayar sewa untuk itu, untuk ini, itu sahaja kan
- SS : Betul puan
- PAH : Kejam kenapa saya buka galeri, salah satu sebabnya masa saya lahir di tahun 1971 di Wakaf Mek Zainab itu, saya buka sahaja mata saya dua tingkat zaman dahulu, di bahagian atas itu kami tinggal di bahagian bawah itu kami ada *Shop block* [ rumah kedai ] ada lima rumah kedai . Jadi dibawah sekali, saya lihat ayah saya membenarkan kawan-kawan pelukisan, sebab ayah saya dahulu sebelum bekerja dia dapat pendidikan daripada Singapura, jadi selepas di Singapura habis belajar dari Singapura dia jadi cikgu seni, selepas dia, selepas dia jadi guru seni dia bekerja di sebuah bank, jadi saya buka sahaja mata saya pelukis sudah ada di dalam ruang dan bilik-bilik bahagian tingkat bawah itu melukis, jadi dari situlah

saya menegnal lukisan. Umur saya 5,4 tahun saya sudah lihat orang melukis, saya sudah lihat dia gantung lukisan di dinding jadi itulah, galeri pertama saya.

SS : Betul

PAH : Jadi saya sebenarnya *tak de* [tidak ada] lah rasa megah kea pa buat galeri ini, sebab bapa saya sudah buat masa saya kecil lagi [ ketawa ]

SS : Dia macam warisan keluarga juga lah.

PAH : *Haaaaa*

NI : Mewarisi

PAH : Ya, dan saya tidak nampak lah sebarang isu, saya tidak pernah dengar sebarang isu mereka bergaduh, saya tidak pernah dengar mereka .... Saya lihat mereka sangat baik dan sangat menyamakan dan menenangkan, jadi saya tidak ada nampak kemegahan apa, tidak ada ya. Lepas itu, bapak saya meninggal, pelukis pun keluar lah, sebab ibu saya kan ibu tunggal kan wanita jadi tidak manis lah

SS : Okey

### TAMAT BAHAGIAN 3

#### BAHAGIAN 4: CABARAN

SS : **Boleh kami tahu apakah cabaran puan dapat pergi ke luar negara, ada tak?**

PAH : Cabaran tu saya rasa kita perlu bukti kan kepada orang putih [orang luar negara] ni [ini] kita oleh buat kerja .... [ketawa]..

SS : Betul [ketawa]

NI : Betul[ketawa]

PAH : Bukan senang ye ... [ketawa]... wanita melayu berpakaian tudung ni [ini] dapat diterima oleh bangsa asing untuk buat kerja, jadi kita kena ada satu prinsip hidup bahawanya kita buat kerja ikhlas satu dua kita mesti buat laporan berkenaan kerja *pastu* [lepas itu] cuba lah *adapt* [menyesuaikan diri] dengan suasana multi-nasional company kena adapt [sesuaikan diri] dengan suasana dia dan kena berani sikit lah. Sebab ni [ini] satu syarikat yang hendakkan result ye. *It is result oriented company* [syarikat berorientasikan hasil] *its not a talkative company* [

ia bukan syarikat bercakap] okay. *What you say you must delivered* [ apa yang anda katakan, anda mesti sampaikan] *so* [jadi] ada beberapa value [nilai] di dalam sebuah *company* [syarikat] sebesar intel ni [ ini ] yang mempunyai ... apa ni.... Cawangan di seluruh dunia jadi beberapa standard yang mesti kita capailah. Aaaa mesti capai.

**SS** : Okay puan

**SS** : **Puan pernah tak rasa berputus asa?**

**PAH** : Ermmmmm... kalau penat tu saya cakap lah, saya penat. tapi saya ada beberapa pencapaian besar semasa di Intel disebabkan saya dapat melaksanakan beberapa projek contohnya projek *wireless* [ tanpa wayar] , zaman dulu belum ada *wireless* [ tanpa wayar] ya, jadi saya salah seorang pekerja intel yang menjadi pelopor kepada *wireless*.... apa ni ... *awereness* [kesedaran] di Malaysia. Jadi saya pergi jalan seluruh Malaysia ni saya memperkenalkan *wireless* tu apa, sebelum kita ada wireless kita kena dail kan nomborkan untuk *connect* [sambung] internet

**SS** : Haa betul

**PAH** : Haaa masa tu [itu] saya dah menjelajah ke seluruh Malaysia mengadakan program *awareness* [kesedaran] *wireless* ni [ini] jadi itu satu yang kedua munculnya *e-learning* [e-pembelajaran] tahu tak *e-learning*?

**NI** : Tahu, tahu

**SS** : Tahu

**PAH** : *E-learning* ni belajar melalui internet ya, belajar melalui internet ni boleh dikatakan satu perkara baru sehingga tahun. errr berapa? 2007 ... 2006, 2007 okay saya seorang daripada pegawai yang mereka cipta satu solusi *e-learning* yang holistik untuk dibuat secara pilot projek di Malaysia, masa itu Malaysia tkde [tiada] *e-learning* lagi dik [adik] masa tu [itu] Dato sri *under* [bawah] Dato sri Hishamudin... aaaa. Jadi saya takde [tiada] apa ni [ini] urmmm...

## TAMAT BAHAGIAN 4

### BAHAGIAN 5: HARAPAN

**SS** : **Harapan puan pembangunan kerjaya budak-budak muda ,macam mana puan harapan puan untuk kami?**

**PAH** : Harapan.... Lebih kepada nasihat lah ye

**SS** : Ye puan

**APH** : Okay untuk Berjaya dalam sesuatu bidang kita mesti memberi diri sendiri peluang maknanya anda mesti percaya pada diri anda nombor satu anda harus percaya Allah itu maha berkuasa nombor dua maknanya kalau kita percaya pada diri kita percaya pada Allah kitab oleh buat lah ye

**SS** : Betul puan

**PAH** : Kalau kata tak [tidak] boleh buat maknya takde [tiada] kepercayaan kepada diri sendiri dan kepada Allah . selepas itu mesti merancang untuk buat dan jangan terlalu banyak [tidak jelas] mesti buat map maknanya , kalau nak buat sesuatu projek tu *you* [ awak] mesti buat kertas kerja seolah-olah *you* [awak] nk submit [hantar] kepada pensyarah, tapi kertas kerja itu *you* [awak] *submit* [hantar] kepada diri sendiri dan sesiapa lah kat [kepada] rakan yang *you* [ awak ] nak *partner* rakan *director* [ pengarah ] kalua bergabung *partnership* [ rakan kerja ] *so* [jadi] *you* [awak] buat satu kertas kerja dan mestilah ada roadmap 6 bulan, 12 bulan dan 24 bulan okay.

Nombor tiga, *you* [awak] mesti beri kepada diri sendiri peluang melalui proses satu -satu projek tu [itu] 2 tahun maknanya *you* [awak] kena focus 2 tahun selepas anda percaya pada diri sendiri, kertas kerja, road map dan sebagainya mesti focus selama 2 tahun tak boleh buat 6 bulan ermmm merajuk taknak [tidak mahu ] tak [tidak] boleh .haaaaa . selepas 2 tahun sahaja *you*[awak] boleh kumpulkan pengalaman samada *you* [awak] jadi seorang yang gagal- berjaya ataupun awak

menjadi yang berjaya- berjaya okay. Gagal tidak semestinya berjaya, gagal you [awak] akan dapat pengalaman yang sangat mahal tapi selepas berapa tahun ?

**SS** : 2 tahun

**NI** : 2 tahun

**PAH** : Haaaa macam tu [itu] kalua berkawan pun kena 2 tahun baru berkahwin macam tu [itu] ... ketawa.....

**SS** : *Ohhh..ketawa...*

**NI** : ketawa

**PAH** : Jangan terus terjah je...ketawa...sebab dalam masa 2 tahun tu *you*[awak] akan tengok boleh ke tak [tidak] boleh . boleh telan ke tak [tidak] boleh telan. Kalua boleh telan boleh lah. Kalua tak [tidak] boleh buat apa nak melangkah jauh betul tak ? dan lagi satu sifat tolenransi, mesti ada tolenransi maknanya dalam adik-beradik kita lain kan .. Nurul ada berapa orang adik beradik?

**NI** : Ohh saya ramai, 7 orang

**PAH** : Ohhh 7 , haaa Siti Sarah ?

**SS** : Ada 3 orang puan

**PAH** : So [ Jadi ] dalam 3 orang dalam 7 orang adik -beradik semua kepala lain-lain kan ?

**SS** : Betul

**NI** : Betul

**PAH** : Yang mana yang boleh telan? Yang mana tak [tidak] boleh telan macam tu juga dengan kawan,rakan *partner* [rakan kerja] katakana lah nak mencari jodoh ke apa ke mesti berkawan. Berkawan sahaja ye di luaran sahaja jangan lebih-lebih berkawan untuk mengenal hati budi, cara dia mengatasi masalah *if* [jika] dia seorang *problem solving* [penyelesai masalah] Bersama-sama ataupun tukang kritik haaaaa macam mana? betul tak?

- SS** : Betul puan
- PAH** : *So* [jadi] macam tu juga apa- apa *you* [awak] nak jual mamasab *you* [awak] nak jual *makeup* [ alat solek] *you*[awak] nak jual nasi goreng, nak jual goreng pisang *ehhh* goreng pisang kat KL [ kuala Lumpur] mahal tahu
- NI** : haaaaa
- SS** : Betul puan..ketawa..
- PAH** : Yes [ya] goreng pisang dekat KL [Kuala Lumpur] sebekas 7-ringgit dan mereka menjual 7-ringgit sebekas, berates-ratus bekas ye. bagi peluang pada diri sendiri jangan anggap orang jual goreng pisang ni tak kaya, diorang [mereka] dah kaya dekat KL ni, ada *foodpanda* ada *grab collect* [kumpul] goreng pisang. pastu goreng pisang coklat, goreng pisang cheese goreng pisang itu, ini. jadi goreng pisang kat KL ni 7 ke 10-ringgit satu bekas
- SS** : Mahal
- PAH** : Haaaa mahal...ketawa... jadi itu lah nasihat saya. satu lagi saya nak galakkan belajar okay? belajar ini sangat penting ye jangan anggap diri kita dah pandai
- SS** : Betul puan
- NI** : Betul
- PAH** : Salah apabila menganggap diri kita dah pandai salah. Saya ... suami saya baru-baru ini pencen okay dan dia kata okay lepas pencen ni dia nak ada satu aktiviti untuk bercucuk tanam *so* [jadi] kami mulanya rancang nak tanam buah tin
- NI** : Ohhh haaa tahu
- PAH** : *So* [jadi] buah tin eh *so* [jadi] kami pergi tokey [penjual buah tin] ni untuk belajar untuk bertanam. *So* [ Jadi ] kami pergi jumpa kami tunggu borak kami nak faham apa keperluan buah tin ini . jadi bukan senang ada duit pun belum tentu anda Berjaya tanpa ilmu nak kena belajar nak kena tahu. Banyak segment [bahagian ] yang *you* [awak] perlu belajar . cakap sahaja tanam buah tin dalam 4



bulan dia akan berbuah. *no* [tidak] *you* [awak ] kena belajar macam mana pengaliran air dia, tanah dia , suasan buah tin tu macam mana .macam-macam. *So* [jadi] nasihat saya nak cakap belajar lah tanpa henti, jangan berhenti belajar selagi anda merendah diri untuk belajar selagi tu lah anda terus mempunyai *competency* [kecekapan] diri yang tinggi dan tidak ada satu perkara yang mustahil pun di dalam dunia ini yang awak tak boleh buat kecuali awak tak buat.

**NI** : Betul puan ,belum cuba belum tahu

**PAH** : Okay?

**SS** : Okay puan

**PAH** : Harapan saya kepada Nurul dan Sarah , semoga anda berjaya lah okay?

**NI** : Insya-Allah aminnn

**PAH** : Semoga jadi orang yang good muslim, biar orang contohi kita, biar sampai mak bapak [ ibu bapa] menghormati kita dan biar sampai kita menjadi anak yang paling berjaya lah dalam adik-beradik ye Siti Sarah, Nurul

**SS** : Baiklah puan.

**NI** : Insya-Allah aminnn

**SS** : Setakat itu sahaja temubual kami Bersama puan, minta maaf banyak masalah teknikal terjadi

**NI** : Terima kasih puan Amy kerana memberi kerjasama untuk menjayakan wawancara kami dan kami berharap agar temebual ini dapat menyumbangkan ilmu dalam bidang seni dan menyumbang kepada para penyelidik pada masa akan datang

**PAH** : Insya-Allah Amminn

**SS** : Kami minta maaf andai tersalah cakap ke

**NI** : Tersalah cakap, terkasar Bahasa dengan puan

PAH : Takde-takde [tiada] saya pun minta maaf kalua ada salah silap. Tkde [tiada] salah silap lah nurul izzati. ini adalah sebahagian kecil daripada perjalanan hidup you [awak] sebagai pelajar ye saya faham sangat keperluan pelajar ni perlu mendapat sokongan bagus daripada orang awam ye. Saya harap apabila *you* [ awak ] keluar daripada universiti, dunia luar *you* [awak ] terus berjumpa dengan orang yang baik-baik dan banyak lah berbuat baik dan kebajikan juga insya-Allah

NI : Insya-Allah

SS : Okay puan

PAH : Okay, assalamualaikum w.b.t

SS : Waalaikumusalam puan

NI : Waalaikumusalam puan

## TAMAT BAHAGIAN 5

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pencapaian dan sumbangan Puan Amy Hashim sepanjang berkhidmat sebagai seorang pelukis muslimah yang mampu ke luar negara menaikkan nama negara dan juga nama beliau juga. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan pada masa akan datang. Sekian, terima kasih

# LAMPIRAN

# **LOG WAWANCARA**

## LOG WAWANCARA

Berikut merupakan ringkasan temubual bersama Puan Amy Hashim yang bertujuan menceritakan mengenai beliau dan juga tentang kejayaan yang diperoleh sepanjang beliau menjadi seorang pelukis.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT /RUJUKAN
<b>BAHAGIAN A: PENGENALAN AWAL LATAR BELAKANG</b>		
<b>1:20</b>	Menceritakan tentang tempat beliau dilahirkan	kota bahru Kelantan
	Pendidikan pertama	Sekolah cina chong cheng
<b>4:00</b>	Menceritakan pengalaman bekerja di syarikat lamanya	Di syarikat intel selama 10 tahun
	Berhenti dari syarikat intel	Mula menceburlan diri dalam bidang di minati iaitu bidang lukisan
<b>BAHAGIAN B: PENCAPAIAN</b>		
	Menceritakan tentang pencapaian yang pernah diperoleh.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diterima di beberapa buah konvensyen besar di Las Vegas.</li> <li>• Jemputan ke Korea, ke Jepun</li> <li>• Dipilih oleh KKMK dibawah agensi AMDEC multimedia delvelopment cooperation untuk</li> </ul>

		<p>membuat satu ucapan dan workshop di Kuala Lumpur</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada 2019 diterima oleh balai seni lukis negara untuk mengadakan satu pameran solo.</li> <li>•</li> </ul>
<b>12:55</b>	Menceritakan tentang beliau sambung belajar	Di University Oxford UK
<b>14:20</b>	Membuka sebuah galeri	Bertempat di subang jaya
<b>16.30</b>	Harga lukisan yang termahal yang puan pernah jual	Serendah RM500.00 kepada setinggi RM32,000.00
<b>20:00</b>	Menceritakan tentang zaman kecil	Dibesarkan dengan lukisan
<b>BAHAGIAN C: CABARAN</b>		
<b>22:00</b>	Menceritakan tentang cabaran yang beliau hadapi	Buktikan kepada orang luar negara, kita oleh buat kerja
<b>25:15</b>	Menceritakan tentang pencapaian	Melaksanakan beberapa projek contohnya projek wireless
<b>BAHAGIAN D: KEJAYAAN/ PENDIDIKAN</b>		
<b>28:55</b>	Menceritakan tentang persekolahan beliau	Sekolah chong cheng selama 6 tahun

<b>30:06</b>	Pencapaian yang diperolehi di sekolah	Mendapat pingat dalam semua aktiviti, hadiah dan juga sijil-sijil
<b>30:10</b>	Ceritakan tentang adik-beradik beliau	6 orang adik-beradik
<b>30:45</b>	Menceritakan pelajaran yang diminati	Meminati bidang lukisan
<b>32:38</b>	Menceritakan tentang syarikat intel	Syarikat yang cukup profesional
<b>38:00</b>	Nama ibu beliau	
<b>40:10</b>	Menceritakan tentang ibu beliau	
<b>42:02</b>	Menceritakan tentang idola	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rafiq qhani</li> <li>• Datuk Tajuddin</li> <li>• Errin Handson</li> </ul>
<b>49:23</b>	Menceritakan tentang rahsia sentiasa bermotivasi	Ilmu dunia kita perlu belajar
<b>BAHAGIAN D: HARAPAN</b>		
<b>1:04:28</b>	Harapan untuk generasi muda	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi diri sendiri peluang</li> <li>• Percaya akan diri sendiri</li> <li>• Percaya kepada Allah</li> </ul>
<b>1:14:25</b>	<b>TAMAT WAWANCARA</b>	

# **DIARI KAJIAN**



MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
<b>3.40-5.00 PETANG</b>	1 JANUARI 2021	Perjumpaan pertama bersama tokoh  Perjumpaan berlaku di rumah tokoh bertujuan untuk mengenali tokoh bagi peringkat awal.	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan.
<b>9.00-9.05 TENGAH HARI</b>	13 JANUARI 2021	Panggilan telefon  Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah bertujuan untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemu ramah .	Memberitahu bahawa platform yang digunakan untuk temu ramah adalah melalui “Zoom Meeting”.
<b>11.00-1.00 PETANG</b>	14 JANUARI 2021	Temu ramah dijalankan dirumah masing-masing.  Kami menyediakan soalan yang mengikut kronologi.	Temu ramah dijalankan memalui aplikasi “Zoom Meeting” selama 2 jam.
MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
<b>3.40-5.00 PETANG</b>	1 JANUARI 2021	Perjumpaan pertama bersama tokoh  Perjumpaan berlaku di rumah tokoh bertujuan untuk mengenali tokoh bagi peringkat awal.	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan .
<b>9.00-9.05 TENGAH HARI</b>	13 JANUARI 2021	Panggilan telefon  Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah bertujuan untuk memohon	Memberitahu bahawa platform yang digunakan untuk temu ramah adalah melalui “Zoom Meeting”.

		persetujuan tokoh untuk ditemu ramah .	
<b>11.00-1.00 PETANG</b>	14 JANUARI 2021	<p>Temu ramah dijalankan dirumah masing-masing.</p> <p>Kami menyediakan soalan yang mengikut kronologi.</p>	<p>Temu ramah dijalankan memalui aplikasi “Zoom Meeting” selama 2 jam.</p>

# **SENARAI SOALAN**

## **RANGKA SOALAN TEMU BUAL BERSAMA PUAN AMY HASHMIDA BINTI HASHIM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni lukisan dan juga seorang aktivis. Bersama- sama kami ialah Pn Amy Hasmida Binti Hashim yang merupakan seorang tokoh wanita kelantan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 16 Desember 2020 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 2 petang bertempat di atas talian menggunakan aplikasi zoom. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Izzati Binti Mohd Zaki dan Siti Sarah Binti Kauli. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan dengan beberapa soalan yang ingin ditanyakan.

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG**

1. Pertama sekali, boleh puan berikan nama penuh puan?
2. Apakah nama gelaran puan?
3. Berapakah umur puan sekarang?
4. Bilakah tarikh lahir puan?
5. Dimanakah Puan dilahirkan dan dibesarkan?
6. Dimanakah kediaman yang puan menetap sekarang?
7. Dimanakah puan pernah menetap dimana sebelum kediaman sekarang? Boleh kongsi dengan kami?
8. Berapakah bilangan adik-beradik dalam keluarga puan?
9. Dan puan merupakan anak yang keberapa?
10. Boleh Puan ceritakan sedikit mengenai adik beradik Puan, Dimanakah mereka sekarang?
11. Boleh Puan kongsi pengalaman yang tidak dapat dilupakan ketika kecil dahulu?
12. Adakah ibubapa Puan masih hidup?
13. Siapakah nama ibu dan ayah tercinta puan?
14. Apakah pekerjaan ayah dan ibu puan semasa membesarkan puan?
15. Adakah ibu bapa puan masih hidup atau sudah meninggal dunia? Jika masih hidup berapakah umur mereka sekarang?
16. Dimanakah ayah dan ibu puan bekerja?
17. Apakah status puan sekarang?
18. Pada tahun berapakah puan mendirikan rumahtangga?

19. Apakah nama suami puan?
20. Berapakah umur suami puan sekarang?
21. Setelah mendirikan rumah tangga bersama suami puan, berapa orangkah anak Puan?
22. Dimanakah Anak-anak puan? Samaada berkerja atau masih melanjutkan pelajaran?
23. Bagaimanakah puan mengisi masa lapang? Apakah hobi puan?
24. Apakah cita-cita puan?
25. Siapakah pelukis idola puan?
26. Mengapakah puan menjadikan beliau sebagai idola puan?
27. Apa yang mendorong puan untuk meneruskan kerjaya seni ini?

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN AWAL – SEKOLAH MENENGAH**

28. Boleh kah puan cerita tentang latar belakang pendidikan puan?
29. Dimana terletaknya sekolah rendah puan dan apakah nama sekolah tersebut?
30. Dimanakah sekolah menengah puan, apakah nama sekolah tersebut?
31. Apakah pencapaian puan semasa di peringkat bersekolah rendah?
32. Pada waktu itu berapakah duit saku yang diterima oleh puan?
33. Boleh puan kongsi bagaimana alam Persekolahan yang puan lalui?
34. Dalam bidang akademik semasa dizaman sekolah, subjek apakah yang paling diminati oleh puan?
35. Adakah puan pernah mewakili sekolah dalam sebarang aktiviti, sukan atau permainan?
36. Bagaimanakah Puan ketika waktu kecil. Adakah Puan merupakan pelajar yang aktif ketika itu?
37. Apakah jawatan yang disandang oleh Puan ketika sekolah Menengah?
38. Apakah aktiviti kokurikulum yang Puan sertai ketika di sekolah menengah?
39. Apakah kejayaan akademik yang pernah puan perolehi semasa di bangku sekolah?
40. Siapakah teman persekolahan yang paling diingati dan masih rapat sehingga sekarang?
41. Apakah puan masih berhubung dengan rakan-rakan dialam persokolahan dahulu?

42. Apakah kenangan manis dan pahit sepanjang di zaman persekolahan? Boleh puan kongsi bersama kami.

### **BAHAGIAN 3: PENDIDIKAN PERINGKAT TINGGI**

43. Selepas tamat zaman persekolahan, adakah puan melanjutkan pelajaran atau bekerja dahulu? Boleh kongsi dengan kami?

44. Berapakah umur puan ketika menyambung pengajian tersebut?

45. Apakah kursus yang paling digeruni semasa mendapat tawaran melanjutkan pelajaran di universiti?

46. Boleh Puan ceritakan tentang sejarah/pencapaian pendidikan tinggi Puan?

47. Adakah Puan pernah menyertai kelab/persatuan ketika di Universiti?

48. Puan mengambil jurusan dan aliran kursus apa semasa di universiti dahulu?

49. Mengapakah Puan memilih jurusan tersebut?

50. Adakah Puan. mendapat sebarang biasiswa?

51. Adakah Puan pernah menyertai sebarang program atau pertandingan yang dianjurkan oleh Universiti?

52. Boleh Puan ceritakan sedikit tentang pengalaman manis puan semasa berada di universiti?

53. Bagaimana pula dengan pengalaman pahit yang pernah puan hadapi?

54. Pernahkan Puan menerima sebarang bantahan daripada keluarga ketika ingin melanjutkan pelajaran?

55. Apakah subjek kegemaran Puan semasa belajar?

56. siapakah pensyarah yang paling digemari oleh puan pada ketika itu dan bagaimana pensyarah itu boleh menjadi salah seorang pensyarah yang paling puan gemari pada ketika itu?

57. Apakah subjek yang puan tidak gemar semasa belajar?

58. Apakah sukan kegemaran Puan?

59. Apakah pekerjaan pertama puan, adakah puan pernah berkerja sambilan?

60. Bolehkah puan menceritakan pengorbanan yang dilakukan oleh ibu dan ayah ketika puan melanjutkan pelajaran?

61. Adakah Puan ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi selepas ini?

62. Institusi pengajian tinggi manakah yang menjadi pilihan puan?

63. Pada pendapat Puan, Apakah criteria yang perlu ada dalam diri mahasiswa untuk menjadi pemimpin pada masa hadapan?
64. Apakah pendapat Puan kepada graduan yang masih tidak tahu maklumat mereka?
65. Apakah pandangan puan tentang adakah minat itu penting dalam mencari pekerjaan?
66. Apakah nasihat Puan kepada mahasiswa kini untuk teruskan perjuangan di dalam pelajaran walaupun terpaksa menjalani pembelajaran di atas talian? Supaya mereka dapat mencari matlamat dan belajar bersungguh-sungguh.
67. Boleh Puan kongsi tips yang berkesan kepada mahasiswa/mahasiswi dalam mencapai kejayaan dalam bidang yang mereka ceburi?
68. Apakah salah satu ungkapan nasihat yang selalu terukir di bibir kedua ibu bapa puan kepada puan?
69. Apakah rahsia puan untuk sentiasa bermotivasi dan kekal aktif dalam setiap aktiviti yang dilakukan?

### **BAHAGIAN 3: PEKERJAAN**

70. Selepas tamat pengajian, apakah pekerjaan pertama puan?
71. Bolehkah puan terangkan serba sedikit tentang sejarah kerjaya puan dari awal pekerjaan sehingga akhir perkerjaan?
72. Dimanakah dan Pada tahun berapa puan mula berkerja? Boleh ceritakan dekat kami?
73. Berapa lamakah puan bekerja dan kenapa memilih untuk bekerja di situ?
74. Berapakah gaji pertama yang diterima oleh puan pada awal pekerjaan?
75. Semasa masih bekerja, dimanakah puan menetap dan mengapa memilih menetap di situ?
76. Apakah jawatan pertama yang disandang oleh puan semasa baru mula bekerja?
77. Apakah skop tugas puan ketika menyandang jawatan pertama tersebut?
78. Bolehkah puan ceritakan tentang bagaimana cara puan mendapatkan pekerjaan pertama puan setelah menamatkan pelajaran?
79. Bagaimana suasana ketika berkerja, adakah rakan sekerja memberi kerjasama atau hanya memberi tekanan?
80. Seterusnya, bagaimana puan boleh meminati dalam bidang seni?
81. Apakah golongan dan dorongan yang diberikan oleh orang sekeliling puan tentang kerjaya yang diceburi puan dalam bidang perubatan?

82. Sudah berapa lamakah puan menceburi dalam bidang lukisan seni ?
83. Apakah jawatan yang disandang oleh puan di tempat kerja sekarang?
84. Adakah puan masih aktif dalam kerjaya sebagai pelukis didalam dan diluar negara?
85. Adakah suami puan menyokong keputusan puan untuk menjadi seorang pelukis?
86. Adakah keluarga Puan menyokong Puan dalam kerjaya Puan?
87. Apakah prinsip pegangan hidup yang puan amalkan dalam kehidupan?
88. Bagaimana suasana ketika berkerja, adakah rakan sekerja memberi kerjasama atau hanya memberi tekanan?
89. Bolehkah Puan kongsi rutin harian Puan setiap hari?
90. Bagaimanakah Puan membahagikan masa bersama keluarga dan kerja?

#### **BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN**

91. Boleh puan ceritakan serba sedikit tentang kejayaan dan anugerah yang diperolehi oleh puan?
92. Apakah anugerah tokoh yang telah diterima oleh Puan?
93. Bilakah Puan mendapat anugerah tersebut?
94. Dimanakah majlis penganugerahan itu diadakan?
95. Apakah criteria yang perlu ada untuk menjadi tokoh wanita Kelantan?
96. Apakah kesan yang dapat Puan rasai apabila mendapat anugerah tersebut?
97. Bagaimanakah pengalaman Puan semasa bergelar seorang tokoh wanita Kelantan?
98. Apakah perasaan Puan ketika diberitahu mendapat gelaran tersebut?
99. Selain daripada anugerah Tokoh Wanita Kelantan. Adakah Puan pernah mendapat anugerah lain?

#### **BAHAGIAN 5: CABARAN**

100. Bolehkah Puan kongsi perjuangan Puan sebelum mendapat anugerah tokoh?
101. Apakah cabaran puan dalam menghasilkan seni lukisan kanvas ini?
102. Adakah puan pernah rasa berputus asa dalam menghasilkan lukisan kanvas yang unik tersebut?



103. Kebiasaanya, berapa banyakkah warna dan bahan yang digunakan untuk menghasilkan satu lukisan kanvas tersebut?
104. Berapa lamakah masa yang diambil untuk menghasilkan satu lukisan?
105. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Puan ketika dalam keadaan Pandemik kini?
106. Puan sering bertemu dengan ramai orang, jadi bagaimanakah Puan menjaga hubungan baik antara orang sekeliling?

#### **BAHAGIAN 6: SUMBANGAN**

107. Beralih soalan kepada sumbangan pula, bolehkan puan menceritakan serba sedikit tentang sumbangan terbesar puan semasa di dalam bidang seni ini?
108. Apakah sumbangan puan kepada masyarakat sehingga dilantik menjadi seorang tokoh wanita Kelantan?

#### **BAHAGIAN 7: HARAPAN**

109. Soalan terakhir ialah, apakah harapan puan dalam pembangunan kerjaya?
110. Apakah harapan puan yang masih belum tercapai pada masa kini?
111. Apakah pandangan puan kepada generasi sekarang yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi? Adakah mereka perlu mengambil kira dari segi minat atau peluang pengajian yang ditawarkan?
112. Selain itu, apakah harapan Puan terhadap generasi muda kini untuk menjadi sebagai seorang Tokoh Wanita Kelantan seperti puan?
113. Bolehkan puan kongsi pengalaman dan harapan puan untuk generasi akan datang agar mereka dapat berjaya seperti puan?

#### **PENUTUP**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Pn Amy Hashimah Binti Hashim di sepanjang beliau berkarya. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Kami berharap dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni tempatan dan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# INDEKS

## **A**

Allah – 19,20,21,22,23,24,25,30,31,34,38,39,45

Akademik – 13,17,51

Akhirat – 19,23

Anugerah – 13,22,28,54

## **B**

Bidang seni – 39,50,53,55

## **C**

Cabaran – 32,44,54,55

## **H**

Harapan- 34,38, 45,55

## **I**

Idola – 21,45,51

Intel- 14,15,18,19,28,33,43,45

## **L**

Lukisan – 15,21,22, 25,28,29,30,31,43,44,50,54,55

## **K**

Kelantan – 13,20,21,23,27,43,50,54,55

Kerjaya – 34,51,53,54,55

## **M**

Minat – 15,17,26,43,45,51,53,55

Motivasi – 19, 23, 24, 45,53,

## **R**

Rahsia – 23,45

## **P**

Pelajaran – 20,52,53

Pendidikan – 14, 15,19,29,31,43,44,51,52,

Pencapaian – 15, 16,19,27,28, 33,43,44,45,51,52,54

Penting - 30,31,37,53

Pandemik - 55

## **S**

Seni – 17,20,21,22,25,28,29,31,39,44,50,51,53,54,55

Sumabangan – 30,55

## **T**

Tokoh – 13,22,47,48,50,54,55

Transkrip - 13

## **W**

Wanita – 21,22,25,29,32,50,54,55